

**TEKS UCAPAN ALUAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**

**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL KONVOKESYEN
KALI KE - 8 UniMAP**

**DI PERKARANGAN DATARAN DATO` SHEIKH AHMAD
KANGAR, PERLIS
PADA 17 SEPTEMBER 2013**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**Salam Perlis, `Raja Ditaati, Rakyat Dirahmati, Negeri
Disanjungi'**

Salam 'Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan' UniMAP,

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, yang juga Pro Canselor Universiti Malaysia Perlis.

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Tuanku berdua bercemar duli berangkat hadir bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Festival Konvokesyen ke - 8 Universiti Malaysia Perlis di Perkarangan Dataran Dato' Sheikh Ahmad pada malam ini. Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua pada malam ini memberi seribu makna kepada kami warga UniMAP.

Ampun Tuanku, sembah Patik Mohon Diampun, Patik mohon untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin sekalian.

Yang Amat Berhormat Tuan Azlan bin Man, Menteri Besar Perlis

Yang Berbahagia Dato' Prof. Emeritus Ir. Dr. Zainai bin Mohamed, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis dan Yang Berbahagia Datin

Yang Berbahagia, Dif-Dif Kehormat, Naib-naib Canselor IPTA atau wakil dan Naib Canselor/Rektor universiti luar negara atau wakil, dan Wakil-wakil Industri,

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr Zul Azhar Zahid Jamal,
Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd. Fo'ad Sakdan,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
UniMAP

Pegawai- pegawai Utama UniMAP

Penolong-Penolong Naib Canselor

Rakan Media kita dari Utusan Melayu (M) Sdn Bhd, En.
Muhammad Zainul Azhar Ashari, yang juga merupakan Ketua
Biro Perlis,

En. Mohd. Saiful Mohd. Sahak – juga wakil dari Utusan
Melayu (M) Sdn Bhd,

Dekan – Dekan dan Ketua Jabatan

Para pelajar, wakil-wakil media seterusnya

Hadirin dan hadirat yang saya raikan sekalian.

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vaanakkam, Ma Sa An Khair, Sawadi Kharp

KATA ALUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, maka dapatlah kita berada di sini pada petang yang berbahagia ini bagi bersama-sama meraikan Majlis Perasmian Festival Konvokesyen Ke-8 UniMAP.

2. Terlebih dahulu izinkan saya untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah yang tidak terhingga kepada Jawatankuasa Penganjur Festival Konvokesyen Ke-8 UniMAP yang telah bekerja keras bagi memastikan kelancaran program ini, segala usaha gigih anda amat saya hargai.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Jawatankuasa FESTKON 8

3. Untuk pengetahuan semua, Jawatankuasa FESTKON 8 ini juga membawa kelainan yang tersendiri di mana mereka ini bukanlah terdiri dari Ahli Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP seperti sebelum-sebelum ini.

4. Mereka merupakan antara pelajar atau lebih tepat adalah ***intan terpilih*** untuk menggalas amanah yang besar ini. Mereka ini dipilih oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni selepas menjalani beberapa peringkat tapisan yang mencabar dan menguji ketahanan mental dan fizikal mereka. Saya percaya mereka ini bukanlah calang-calang orangnya apabila melihat suasana meriah FESTKON ke - 8 UniMAP pada malam ini. Tahniah diucapkan. Berikan tepukan yang gemuruh buat ***intan terpilih*** UniMAP ini.
5. Saya juga percaya, ini merupakan salah satu cara untuk memberi pendedahan awal tentang kemahiran baru kepada mahasiswa. Sistem pembelajaran praktikal atau *hands on* adalah medan sebenar bagi menentukan tahap kemahiran yang boleh disumbangkan oleh mahasiswa apabila menamatkan pelajaran kelak. InsyaAllah, apa yang mereka lakukan bagi merealisasikan Festival ini akan digunakan kembali dalam alam pekerjaan mereka nanti. Kerjasama, toleransi, hormat menghormati, menjadi asas pembentukan sahsiah diri mereka dan elemen-elemen inilah yang menjayakan FESTKON 8 UniMAP ini.

Hadirin sekalian

“BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI”

6. Seperti yang telah kita sedia maklum, tema bagi FESTKON Ke - 8 ini adalah “**BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI**”. Sejujurnya, saya berasa sangat teruja dengan pemilihan tema pada tahun ini. Tambahan pula setiap perkataan tersebut mempunyai maksudnya yang tersendiri. “**Bersama Memacu Transformasi**” – “Bersama” membawa erti gandingan serentak antara pihak universiti dan para pelajar serta rakyat negeri Perlis untuk menjadikan Universiti Malaysia Perlis sebagai universiti yang terbaik.
7. Manakala “Memacu” merupakan satu usaha bagi menggerakkan sesuatu kegiatan dengan lebih cepat dan pesat. Hal ini bagi menunjukkan komitmen pihak universiti dan para pelajar untuk meningkatkan kualiti universiti seiring dengan peredaran masa. “Transformasi” pula membawa erti perubahan. Universiti Malaysia Perlis sangat komited untuk melakukan berbagai transformasi dalam menjadikan UniMAP sebagai sebuah universiti yang berdaya saing dan progresif. Hal ini merangkumi aspek kualiti kerja, perpaduan dalam universiti, kebolehpasaran para graduan dan sebagainya.

8. Apabila bercakap soal ‘memacu’, saya difahamkan, Jawatankuasa FESTKON 8 ini juga telah berjaya mengumpulkan jumlah tajaan yang agak memberangsangkan dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Cukuplah saya nyatakan bahawa jumlah tajaan tersebut bernilai puluhan ribu ringgit. Ini membuktikan pelajar UniMAP tidak kira sama ada MPP atau pelajar biasa, mampu untuk melaksanakan apa juu tugas yang diamanahkan malah mereka ini melaksanakannya dengan lebih baik berbanding senior-senior mereka sebelum ini.
9. Ingin juga saya kongsikan transformasi yang telah dilaksanakan oleh pelajar UniMAP. Pada FESTKON 8 yang dilaksanakan selama enam hari ini, hanya 103 pelajar sahaja yang terlibat berbanding tahun lepas iaitu 90 pelajar bagi tempoh lima hari. Pengajuran ini sebenarnya sangat besar untuk digalas oleh seseorang pelajar itu, bila mana pelbagai program baru diperkenalkan dalam FESTKON 8 ini. Namun, pengajuran ini menunjukkan bahawa setiap pelajar UniMAP adalah *multitasking* dan mampu melaksanakan beberapa tugas yang sepatutnya memerlukan lebih ramai penglibatan.

10. Ianya mempamerkan betapa setiap pelajar itu sangat jelas akan tanggungjawab mereka dan disamping itu menunjukkan kematangan diri mereka sendiri dan ini sekaligus memberi tanda kesediaan mereka untuk berdepan dengan cabaran dunia sebenar tidak lama lagi. Itulah antara transformasi yang telah kita lakukan dan ini adalah cara asuhan yang diamalkan UniMAP sebaik sahaja pelajar menjakkan kaki ke sini adalah dengan menekankan konsep kemahiran insaniah. Seperti yang dapat kita lihat pada hari ini, kemahiran tersebut telah dipraktikkan oleh para pelajar ini dengan jayanya.

11. Secara keseluruhannya, setiap perkataan yang dibina sehingga terbentuknya tema FESTKON 8 UniMAP ini iaitu “Bersama Memacu Transformasi” membawa maksud semangat bersatu padu dan kerjasama antara UniMAP, para pelajar UniMAP dan seluruh komuniti bagi melaksanakan perubahan pesat ke arah universiti yang lebih baik dari segala aspek setelah 11 tahun penubuhannya. Misalnya, melalui FESTKON 8 ini bukan sahaja dapat mendedahkan pelajar mengenai penganjuran aktiviti yang lebih besar malah turut meningkatkan kemahiran keusahawanan pelajar dan menggalakkan pelajar terlibat dengan aktiviti keusahawanan.

12. UniMAP sebenarnya sangat beruntung kerana mempunyai Canselor dan Pro Canselor yang sentiasa memberi sokongan padu dalam setiap perkara yang UniMAP lakukan. Tanpa sokongan duli-duli baginda, tentu UniMAP masih lagi terkapai-kapai mencari arah. Menjunjung Kasih Tuanku atas keprihatinan duli-duli Tuanku terhadap patik sekalian warga UniMAP.
13. Ucapan terima kasih juga dititipkan kepada kerajaan negeri Perlis di bawah pimpinan YAB Menteri Besar Perlis iaitu Tuan Azlan Man yang sentiasa bersetuju dan menyokong penuh setiap cadangan program yang diutarakan oleh UniMAP. Terima kasih Yang Amat Berhormat.
14. Tidak ketinggalan, UniMAP juga sangat beruntung kerana mempunyai pengerusi Lembaga Pengarah Universiti yang sangat komited demi memastikan kecemerlangan UniMAP dalam semua bidang yang diceburi. Malah beliau juga turut menyumbangkan pelbagai idea bagi menjadikan sesebuah program yang dianjurkan oleh UniMAP ini menarik perhatian ramai.

Hadirin sekalian,

15. Saya mendapat makluman yang sangat positif mengenai penganjuran FESTKON bila mana kita perlu meningkatkan jumlah penyertaan gerai atau booth ke angka 69 iaitu khemah basah 22, khemah kering 27, pameran 11 dan khemah penaja sebanyak 9 khemah dengan keluasan yang lebih besar berbanding tahun lepas. Khabarnya jumlah booth ini perlu dipertingkatkan lagi pada tahun hadapan kerana banyak pihak terpaksa berputih mata apabila tidak dapat bersama-sama menyertai FESTKON 8 ini. InsyaAllah kita akan meningkatkan lagi jumlah booth pada tahun hadapan.

16. Malah sasaran bagi pengunjung juga telah berubah di mana pada kali ini kita mensasarkan seramai 6000 pengunjung akan membanjiri Dataran Dato' Sheikh Ahmad sepanjang enam hari festival konvokesyen ini berlangsung berbanding tahun lepas iaitu 5000 pengunjung. Hal ini kerana, pelbagai aktiviti menarik akan disajikan kepada para pengunjung. Saya percaya ini akan menarik penyertaan lebih ramai rakyat negeri Perlis.

17. Lagi pula konsep FESTKON adalah ‘komuniti’ dimana 95 peratus program adalah memerlukan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat. Oleh itu, saya menjemput semua warga masyarakat untuk bersama-sama memeriahkan FESTKON 8 UniMAP ini. InsyaAllah.

18. Jika disoroti perlaksaan FESTKON sepanjang 11 tahun penubuhan UniMAP, saya melihat pelbagai pembaharuan telah dilakukan oleh para pelajar kita. Ini menunjukkan pelajar kita semakin matang dan bergerak seiring dengan matlamat negara yang ingin menjadi negara maju. Ciri-ciri pelajar berminda kelas pertama semakin berjaya diterapkan oleh UniMAP. Harapan saya kepada semua jawatankuasa perlaksana FESTKON Ke - 8 UniMAP agar menjadikan pengalaman yang diperoleh sebagai bekalan di apabila bergraduat kelak.

Hadirin sekalian,

Jangan terjebak dengan Gangsterism

19. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya menarik perhatian semua hadirin yang berada di sini. Baru-baru ini, negara digemparkan dengan pelbagai kejadian tembakan yang melibatkan kehilangan nyawa.

20. Seakan menjadi satu trend atau ikutan bila mana kes-kes mengenai kejadian tembakan secara berturut dilaporkan di dada-dada akhbar. Lebih membimbangkan, rata-rata mereka adalah anak-anak muda yang bakal menjadi pewaris negara.
21. Pihak polis juga telah mengeluarkan statistik bahawa seramai 28,926 orang dari kaum India dikesan menganggotai kongsi gelap, manakala Cina (8,214) dan Melayu (1,923). Jumlah yang cukup besar dan membimbangkan. Kadang kala anak-anak yang terlibat ini adalah kerana mereka tidak mengetahui bahawa mereka telah diperdayakan oleh kumpulan kongsi gelap ini.
22. Justeru, saya berharap anak-anak didik saya ini agar tidak mudah terpedaya dengan kesenangan atau perlindungan yang diperolehi sekiranya menyertai sesebuah kumpulan dan fikirkan semula tujuan asal kita berada di sini supaya tiada penyesalan di kemudian hari.

23. Pemangku Raja Perak iaitu Raja Dr. Nazrin Shah bertitah agar tiada seorang pun yang menyanjung penjenayah sebagai wira dan janganlah menganggap tindakan pasukan keselamatan yang membanteras jenayah sebagai perbuatan zalim. Sekiranya ini terjadi, negara akan berada dalam situasi genting di mana penyelesaian masalah adalah di muncung pistol atau parang. Mana mungkin kita mahukan negara kita yang aman ini menjadi medan pertumpahan darah. Oleh itu, sentiasalah menjadi rakyat yang peka dan jauhi dari kegiatan yang tidak sihat ini.
24. Saya menyeru agar semua hadirin yang ada di sini supaya sayangi diri, keluarga, agama, bangsa dan negara. InsyaAllah, Allah swt akan melindungi kita. Sebelum mengakhiri ucapan pada malam ini, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun :

**Penuhkan Dada, Ilmu Diisi,
Memanfaatkan Diri, Sebaik Kurnia,
BERSAMA KITA, MEMACU TRANSFORMASI,
Memastikan UniMAP, Ulung Di Dunia.**

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata, patik mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi ke bawah Duli tuanku berdua kerana sudi mencemar duli berangkat hadir ke majlis ini.

Sekian, Wabillah Hitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh.